

13 OCT 1998

Siti Hasmah-ISC

MALAYSIA TUAN RUMAH MESYUARAT KETIGA ISC

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ketiga Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar (ISC) mulai 22 Okt ini.

Presidennya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata antara tujuan mesyuarat itu ialah menilai kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan untuk merealisasikan Deklarasi Geneva bagi kemajuan wanita luar bandar di peringkat antarabangsa dan wilayah negara anggota.

"Di samping itu pada mesyuarat ini juga kita akan melantik presiden baru bagi mengetuai ISC untuk sesi 1998-2000," katanya pada satu sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat itu yang bertemakan "Kemiskinan di kalangan wanita luar bandar, keluarga mereka dan komuniti" akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

ISC ditubuhkan pada 1992 di Geneva dan dianggotai para isteri ketua-ketua kerajaan dari Asia, Amerika, Eropah dan Afrika.

Siti Hasmah berkata sehingga kini ISC dianggotai 16 negara dan ia bermesyuarat setiap dua tahun sekali.

Sempena mesyuarat itu Siti Hasmah berkata beberapa pameran kecil yang berkisar tentang aktiviti wanita luar bandar akan turut diadakan.

"Selain itu, semasa mesyuarat itu juga kita akan meraikan Hari Wanita Luar Bandar Sedunia dan Hari Makanan Sedunia," katanya.

Sebanyak 150 orang termasuk penaung ISC, Ratu Fabiola dari Belgium akan menghadiri mesyuarat tiga hari itu.

-- BERNAMA

NM AKD